



17 MAR, 2026

TNB, TM jalin kerjasama

Sinar Harian, Malaysia



Perkukuh tenaga hijau dan infrastruktur digital

Oleh NURUL NABILA AHMAD HALIMY

KUALA LUMPUR - Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Telekom Malaysia (TM) menjalinkan kerjasama strategik bagi memperkukuh pembangunan penyelesaian tenaga hijau serta infrastruktur tenaga dan telekomunikasi yang lebih pintar di seluruh negara.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir Shamsul Ahmad berkata, kerjasama itu memfokuskan penyelesaian tenaga mampan, teknologi digital dan kecerdasan buatan (AI) bagi manfaat langsung pelanggan.

"Sebagai pelaksanaan awal kerjasama ini, kami menilai potensi pemasangan sistem solar sehingga 150 premis TM selain menyasarkan peluasan pemasangan kepada lebih banyak kediaman Unifi Home pelanggan setiap tahun.

"Melalui GSPARX, pakej sistem solar akan terus ditambah baik agar memberi nilai tambah kepada pengguna. Selain itu, pe-



Shamsul Ahmad (tiga dari kanan), dan Amar Huzaimi (tiga dari kiri), bertukar dokumen MoU dalam Majlis Pertukaran Dokumen Memorandum Persefahaman (MoU) yang berlangsung di Pusat Konvensyen Leo Moggie TNB, Bangsar, Kuala Lumpur pada 9 Mac 2026.

ningkatan rangkaian stesen pengecasan kenderaan elektrik (EV) turut dirangka dalam pelaksanaan kerjasama ini," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Terdahulu, pertukaran dokumen Memorandum Persefahaman (MoU) antara TNB dan TM berlangsung pada 9 Mac lalu bagi menggabungkan kepakaran tenaga hijau dan digital kedua-dua syarikat selaras dengan aspirasi Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional

(NETR) serta agenda transformasi digital negara.

Hubungan antara kedua-dua syarikat itu telah lama terjalin termasuk melalui sokongan rangkaian komunikasi ke pen-cawang utama, perkhidmatan pesanan ringkas (SMS), pusat panggilan awan (cloud) serta kerjasama dalam program tenaga hijau.

Sehingga 31 Disember 2025, GSPARX yang ditubuhkan pada Januari 2018 telah memperoleh

lebih 530 megawatt (MW) projek solar bumbung yang menyokong penggunaan tenaga boleh baha-ru di lebih 3,000 kediaman dan premis komersial.

Selain itu, TNB turut me-masang kira-kira 256 stesen pengecasan kenderaan elektrik (EV) di seluruh negara di bawah jenama TNB Electron bagi me-nyediakan fasiliti grid serta sokongan elektrik untuk operasi pengecasan.

Shamsul berkata, dengan

pertambahan stesen pengecas-an, pengguna EV mempunyai lebih banyak lokasi untuk mengecas sekali gus memberi-kan kemudahan dan pengalam-an penggunaan yang lebih baik.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan TM, Amar Huzaimi Md Deris ber-kata, kerjasama tersebut men-cerminkan komitmen kedua-dua syarikat dalam memperkukuh ekosistem tenaga dan digital ne-gara.

"TM dan TNB mewakili dua tonggak utama infrastruktur kri-tikal Malaysia. Dengan meng-gabungkan kepimpinan TNB dalam tenaga boleh diperbaharui bersama kekuatan TM dalam infrastruktur digital seluruh ne-gara, saya yakin kerjasama ini akan mewujudkan nilai kepada kedua-dua organisasi.

"Selaras dengan aspirasi Digital Powerhouse 2030, inisia-tif tersebut mencerminkan usa-ha TM dalam memperkasa trans-formasi digital merentasi sektor-sektor utama negara," katanya.